

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI  
MOHAMMAD [ LIPIS ]**

**TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [ Lipis ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan strategi Kementerian bagi memastikan semua Orang Kurang Upaya (OKU) dalam negara ini dapat dikesan, didaftarkan dan diberi kemudahan yang sewajarnya.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM,  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA  
DAN MASYARAKAT**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertanggungjawab untuk mengesan dan mendaftarkan OKU. Usaha ini juga dibantu oleh pelbagai kementerian atau agensi seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan badan-badan NGO.

Setiap OKU yang telah berdaftar layak untuk diberi pertimbangan bagi kemudahan yang sewajarnya sekiranya mereka memenuhi syarat dan kelayakan yang ditetapkan. Strategi yang dilaksanakan oleh JKJ bagi memastikan OKU dapat dikesan untuk tujuan pendaftaran seperti berikut:

- i. Mengadakan kempen pendaftaran OKU di semua negeri yang dilaksanakan oleh JKJ Negeri;

- ii. Mengadakan *road show* untuk memaklumkan kepada masyarakat tentang keperluan dan kepentingan pendaftaran OKU;
- iii. Menggunakan khidmat pemimpin-pemimpin masyarakat dan pertubuhan sukarela kebajikan (NGO) untuk mengesan OKU; dan
- iv. Menggunakan khidmat media masa untuk menyebarkan makluman tentang kepentingan, keperluan dan syarat-syarat pendaftaran OKU.